

KATA GANDA SEPARA BERIMBUHAN AKHIRAN DAN KATA GANDA SEPARA BERIMBUHAN APITAN

Isi tempat kosong dengan kata bantu yang betul. (Seret jawapan yang betul)

mengagih-agihkan melambai-lambaikan mensia-siakan bermati-matian
berpasang-pasangan bercakar-cakaran menggesel-geselkan alu-aluan
ikut-ikutan kemerah-merahan besar-besaran keanak-anakan membeza-bezakan

1. Kakak _____ tangannya sebelum dia menaiki pesawat itu.
2. Azwan tidak _____ biasiswa yang diberi oleh kerajaan semasa menuntut di luar negara.
3. Kita harus menghargai jasa para pejuang kemerdekaan yang _____ menentang penjajah.
4. Puan Ziana tidak pernah _____ anak-anaknya sama ada mereka berjawatan tinggi atau tidak.
5. Murid-murid itu _____ semasa menari tarian tradisional di dewan sekolah
6. Si Comot akan _____ badannya pada kaki saya apabila lapar.
7. Gaya penampilan penyanyi terkenal itu sering menjadi _____ para peminatnya.
8. Majlis perkahwinan anak perempuan sulung Datuk Farid dan Datin Zara diadakan secara _____.
9. Guru besar menyampaikan kata _____ sebelum merasmikan majlis itu.
10. Lina menghalau dua ekor kucing yang _____ di ruang tamu rumahnya.
11. Muka Rosmah _____ bagi udang dibakar kerana kepanasan.
12. Wajah Damia kelihatan _____ walaupun usianya sudah 25 tahun.
13. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat _____ bantuan makanan dan pakaian kepada mangsa-mangsa banjir itu.

Disediakan oleh: Che Kartina Che Muhammad